MAJLIS PENYERAHAN BAHAN—BAHAN
DAN
PERASMIAN PAMERAN TUN ABDUL RAZAK
SEBAGAI
CANSELOR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



PADA
21 DISEMBER 1985
JAM 9.00 PAGI
DI DEWAN MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
SRI TAMAN

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
MALAYSIA
Access No:
Class. No:

Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, DMN, Barrister-at-Law (Lincoln's Inn), Canselor Pertama, Universiti Kebangsaan Malaysia

Tun Haji Abdul Razak bin Hussein telah dilantik dengan rasminya sebagai Canselor Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia (U.K.M.) pada 23 Jun, 1973 bersempena dengan Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Perisytiharan perlantikan Tun Haji Abdul Razak telah dibacakan oleh Naib Canselor U.K.M., Y.B. Datuk Dr. Ariffin bin Haji Ngah Marzuki. Tun Haji Abdul Razak telah menerima perlantikan tersebut untuk jangkamasa selama lima tahun mulai dari tarikh 5 November, 1971.

Pada 7 Julai, 1970, 3 bulan sebelum beliau diisytiharakan sebagai Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Canselor Sementara oleh Lembaga Pengurus Universiti Kebangsaan. Ketika itu Tun Abdul Razak adalah Pengarah Majlis Gerakan Negara. Bagi U.K.M. perlantikannya adalah sangat kena pada tempatnya berpandukan kepada kepercayaan rakyat dan negara terhadap Tun sebagai pemimpin negara yang bersikap dinamis dan tegas, serta mengambil berat dalam segala bidang kemajuan negara termasuk pelajaran. Semenjak Merdeka pada tahun 1957 Tun telah menunjukkan minatnya terhadap pelajaran negara ini. Tun adalah Menteri Pelajaran yang pertama sekali dilantik dan beliau telah bertanggungjawab merombak sistem pelajaran di negara kita ini menerusi syor-syor dalam laporan yang dikenali dengan nama 'Laporan Razak'. Tambahan pula penubuhan U.K.M. yang menjadi kemegahan negara dan rakyat, adalah hasil dari perlaksanaan Laporan Razak yang dihasilkan oleh Tun Abdul Razak sendiri.

Begitu besar harapan rakyat terhadap Bahasa Malaysia dan U.K.M. hingga Tun Abdul Razak sekali lagi menegaskan dalam ucapan Konvokesyennya yang Pertama '... bahawa Universiti ini ditubuhkan khusus bagi memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat yang ingin melihat bahasa ibunda mempunyai kedaulatan dan kedudukan yang sewajarnya dalam usaha menentukan keperibadian nasional Malaysia'. Dalam konsep penubuhan U.K.M. pula Tun Abdul Razak mengakui 'tenaga aspek pembangunan negara, fungsi Universiti ialah mengumpulkan tenaga manusia yang ahli di dalam berbagai bidang dan jurusan dengan tujuan supaya daya pemikiran dan pengetahuan ikhtisas yang dapat dipergunakan sepenuhnya bagi meninggikan taraf hidup rakyat'.

Pada 14 Januari, 1976, Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia Kedua kembali kerahmatullah. Bagi U.K.M. kehilangannya amat dirasai sepenuhnya kerana semasa hayatnya beliau telah memberi perhatian berat kepada perjalanan Universiti ini semenjak diwujudkan pada tahun 1970. Pada 15 Januari, 1976 D.Y.M.M. Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah dilantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong sebagai Canselor Universiti Kebangsaan menggantikan Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

MAJLIS PENYERAHAN BAHAN-B
RASMI PAMERAN TUN ABDUL RA
UNIVERSITI KEBANG

21 DISEMBE

ATURCARA MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| 8.45 pagi | - | Ketibaan Para Jemputan. |
| 9.00 pagi | - | Ketibaan Y.B. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Haji Awang bin Jabar. |
| 9.05 pagi | - | Ucapan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. |
| 9.15 pagi | - | Ucapan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman. |
| 9.25 pagi | - | Ucapan Y.B. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Haji Awang bin Jabar dan seterusnya Perasmian Pameran Tun Abdul Razak sebagai Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. |

AN DAN PEMBUKAAN
K SEBAGAI CANSELOR
AN MALAYSIA

1985

| | | |
|---|---|---|
| 9.35 pagi | - | Upacara Penyerahan Bahan-bahan mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak dari:-<br><br>a) Universiti Kebangsaan Malaysia<br><br>b) Encik Robert Tan Hua Choon<br><br>c) Pertubuhan Bulan Sabit Merah<br><br>d) Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia |
| 10.00 pagi | - | Lawatan Pameran Tun Abdul Razak sebagai Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| 10.30 pagi | - | Jamuan Ringan. |
| 11.00 pagi | - | Lawatan ke Rancangan Bumi Hijau dan Rumah Contoh FELDA. |
| | - | Majlis Bersurai. |

# AHLI JAWATANKUASA PAMERAN

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | En. Jamil Jalaluddin |
| Setiausaha | : | Cik Hamidah Kusnan |
| Ahli | : | Puan Daresah Hj. Ismail |
| | | En. Prabhakaran S. Nair |
| | | En. Haned Masjak |
| | | Cik Azizah Sidik |
| | | Puan Zaleha Sulong |

# PENGHARGAAN

* Y.B. Tuan Haji Awang bin Jabar, Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
* Y.B. Prof. Datuk Dr. Hj. Abdul Hamid bin Abdul Rahman, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.
* En. Robert Tan Hua Choon.
* Universiti Kebangsaan Malaysia.
* Universiti Pertanian Malaysia.
* Jabatan Haiwan Wilayah Persekutuan.
* Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
* Pertubuhan Bulan Sabit Merah.
* Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia.
* Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).
* Akhbar-akhbar Tempatan.
* Radio Televisyen Malaysia.
* Semua yang terlibat dan bekerjasama dalam menjayakan Majlis dan Pameran ini.